

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

PLG 425 - Pengantar Penyelidikan Pendidikan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan sahaja. Jawab Soalan No. 1 yang diwajibkan dan SATU soalan lain.

Semua jawapan hendaklah mempunyai kesahihan yang tinggi dan mudah difahami.

1. Dengan memberikan contoh-contoh yang jelas .

[a] Apakah yang dimaksudkan dengan pembolehubah-pembolehubah berikut:

- [i] Pembolehubah organismik?
- [ii] Pembolehubah pendahuluan (anteseden)?
- [iii] Pembolehubah bebas (tak bersandar)?
- [iv] Pembolehubah prasyarat?
- [v] Pembolehubah luaran (pengacau)?
- [vi] Pembolehubah mencelah?
- [vii] Pembolehubah bersandar (bergantung)?

[b] Baca potongan laporan kajian "Konsep Kendiri Pelajar-pelajar B.Ed" yang disertakan di bawah ini. Setelah anda membacanya jawablah soalan-soalan yang berikut :

- [i] Nyatakan pembolehubah-pembolehubah organismik, pendahuluan, bebas dan bersandar bagi kajian ini?
- [ii] Jelaskan pembolehubah-pembolehubah prasyarat, pembolehubah-pembolehubah luaran dan pembolehubah-pembolehubah mencelah yang mungkin dapat anda senaraikan sebagai pembolehubah-pembolehubah yang juga dapat mempengaruhi kesan atau keputusan kajian.

....2/-

- [iii] Cadangkan satu rancangan persempalan (rekabentuk persempalan) berdasarkan 3 kumpulan umur yang dikaji jika sekiranya ahli-ahli sampel kajian bukannya dari ahli-ahli yang seragam (homogen).
- [iv] Tuliskan rumusan kajian ini dengan berpandukan kepada tujuan kajian laporan ini.
- [v] Baiki hipotesis kajian ini. Bagaimanakah anda dapat mengubahsuai hipotesis ini jika sekiranya anda menggunakan data nominal, iaitu dengan andaian bahawa Skala Likert yang digunakan dijadikan (ditukarkan) kepada nombor kategori seperti berikut :
 - 'Sangat Benar' diwakili dengan nombor '4'
 - 'Benar' diwakili dengan nombor '3'
 - 'Separuh Benar' diwakili dengan nombor '2'
 - 'Tidak Benar' diwakili dengan nombor '1'
 - 'Langsung Tidak Benar' diwakili dengan nombor '0'
- [vi] Jelaskan bagaimana anda mendapatkan nilai χ^2 jika pecahan salah satu daripada item yang anda analisis menunjukkan taburan frekuensinya adalah seperti berikut :

	Langsung Tidak Benar				Sangat Benar	Jumlah
Kategori						
Frekuensi	0	1	2	3	4	
Sampel	4	8	10	8	5	35
Populasi						60

Anda bolehlah menggunakan sifir berikut untuk menyelesaikan masalah anda.

[60 markah]

....3/-

Untuk Soalan No: 1

Critical values of χ^2

α	0.250	0.100	0.050	0.025	0.010	0.005	0.001
1	1.32330	2.70654	3.84146	5.02389	6.63490	7.87944	10.828
2	2.77259	4.60517	5.99147	7.37776	9.21034	10.5966	13.816
3	4.10835	6.25139	7.81473	9.34840	11.3449	12.8381	16.266
4	5.38527	7.77944	9.48773	11.1433	13.2767	14.8602	18.467
5	6.62568	9.23635	11.0706	12.8325	15.0863	16.7496	20.515
6	7.84080	10.6446	12.5916	14.4494	16.8119	18.5476	22.458
7	9.03715	12.0170	14.0671	16.0128	18.4753	20.2777	24.322
8	10.2188	13.3616	15.5073	17.5346	20.0902	21.9650	26.125
9	11.3887	14.6837	16.9190	19.0228	21.6660	23.5893	27.877
10	12.5489	15.9871	18.3070	20.4831	23.2093	25.1882	29.588
11	13.7007	17.2750	19.6751	21.9200	24.7260	26.7569	31.264
12	14.8454	18.5494	21.0261	23.3367	26.2170	28.2995	32.909
13	15.9839	19.8119	22.3621	24.7356	27.6883	29.8194	34.528
14	17.1170	21.0642	23.6848	26.1190	29.1413	31.3193	36.123
15	18.2451	22.3072	24.9958	27.4884	30.5779	32.8013	37.697
16	19.3688	23.5418	26.2962	28.8454	31.9999	34.2672	39.252
17	20.4887	24.7690	27.5871	30.1910	33.4087	35.7185	40.790
18	21.6049	25.9894	28.8693	31.5264	34.8053	37.1594	42.312
19	22.7178	27.2036	30.1435	32.8523	36.1908	38.5822	43.820
20	23.8277	28.4120	31.4104	34.1696	37.5662	39.9968	45.315
21	24.9348	29.6151	32.6705	35.4789	38.9321	41.4010	46.797
22	26.0393	30.8133	33.9244	36.7807	40.2894	42.7956	48.268
23	27.1413	32.0069	35.1725	38.0757	41.6384	44.1813	49.728
24	28.2412	33.1963	36.4158	39.3641	42.9798	45.5585	51.179
25	29.3389	34.3816	37.6526	40.6465	44.3141	46.9278	52.620
26	30.4345	35.5631	38.8852	41.9232	45.6417	48.2899	54.052
27	31.5284	36.7412	40.1133	43.1944	46.9630	49.6449	55.476
28	32.6205	37.9159	41.3372	44.4607	48.2782	50.9933	56.892
29	33.7109	39.0875	42.5569	45.7222	49.5879	52.3356	58.302
30	34.7998	40.2560	43.7729	46.9792	50.8922	53.6720	59.703
40	45.6160	51.8050	55.7585	59.3417	63.6907	66.7659	78.403
50	56.3336	63.1671	67.5048	71.4202	76.1539	79.4900	86.561
60	66.9814	74.3970	79.0819	83.2976	88.3794	91.9517	99.607
70	77.5766	85.5271	90.5312	95.0231	100.425	104.215	112.317
80	88.1303	96.5782	101.879	106.629	112.329	116.321	124.639
90	98.6499	107.565	113.145	118.136	124.116	128.299	137.208
100	109.141	118.498	124.342	129.561	135.807	140.169	149.449
∞	+0.6745	+1.2816	+1.6449	+1.9600	+2.3263	+2.5758	+3.0002

....4/-

Konsep Kendiri Pelajar-pelajar B.Ed.

Latarbelakang :

Konsep-kendiri seseorang telah lama dianggap sebagai salah satu faktor yang penting jika dilihat dari dua sudut: (a) Ia didapati mempunyai satu perhubungan positif secara langsung dengan pencapaian pendidikan. (b) Ia juga telah terbukti bahawa seseorang mempunyai konsep-kendiri yang positif akan menunjukkan tingkahlaku yang baik dan akan bertindak secara konstruktif.

Permasalahan dan Tujuan Kajian :

Sama ada konsep-kendiri dipengaruhi oleh umur atau tidak bergantung kepada kajian-kajian yang telah diteliti. Kajian seperti ini sangat penting kerana tidak boleh menafikan bahawa konsep-kendiri yang positif akan menolong membina personaliti yang sihat. Sekiranya umur benar-benar memainkan peranan yang penting untuk mempertingkatkan konsep-kendiri seseorang, maka pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia harus mempertimbangkan lagi had umur kemasukan ke Universiti. Tambahan pula, lebih banyak kelas orang-orang dewasa harus digalakkan untuk membantu meningkatkan kemahiran-kemahiran tertentu yang berfaedah. Misalnya, kelas-kelas orang dewasa seperti kelas-kelas petani, nelayan dan sebagainya patut ditambah lagi.

Berlandaskan kepada latarbelakang ini, kajian ini cuba untuk mendapatkan jawapan kepada sejauh manakah konsep kendiri dipengaruhi oleh peningkatan umur yang berbeza-beza di kalangan pelajar-pelajar B.Ed yang pernah menuntut di salah sebuah universiti tempatan.

Di dalam kajian ini subjek-subjek di dalam lingkungan lima puluhan dan ke atas tidak terlibat kerana apa yang penting untuk negara ini ialah kumpulan yang berumur di antara dua puluh hingga ke 50 tahun. Kumpulan ini yang menjadi kekuatan tulang belakang negara ini. Sekiranya kemajuan boleh diberikan kepada kumpulan ini, maka tenaga buruh negara ini akan menjadi lebih berkualiti dan pembangunan negara akan tercapai dengan lebih pesatnya.

Hipotesis :

Dengan demikian dihipotesiskan bahawa tidak terdapatnya perbezaan min skor bagi konsep kendiri di antara 3 kumpulan umur yang berbeza berdasarkan kepada pandangan tiap-tiap individu. Dengan erti lain tujuannya ialah untuk melihat bagaimana seseorang individu melihat diri sendiri berdasarkan nilai-nilai yang disenaraikan mengikut skala Konsep Kendiri Tennessee.

....5/-

Prosedur

Pensampelan :

Untuk mengurangkan pengaruh pembolehubah-pembolehubah yang lain seperti status sosio-ekonomi, pendidikan dan pengalaman pekerjaan, sampel yang dipilih untuk kajian ini ialah satu kumpulan pelajar yang sedang menuntut di salah sebuah universiti yang telah mengikuti kursus di semester yang sama. Selain daripada itu mereka juga mempunyai persamaan latarbelakang sebelum masuk belajar di universiti tersebut.

Dengan demikian kelompok sampel ini telah sengaja dipilih. Sampel ini terdiri daripada populasi terhad kepada 35 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus B.Ed. Mereka semua telah menghadiri 5 semester, seterusnya mengikuti semester terakhir bagi tahun ketiga. Pelajar-pelajar ini mengikuti hampir semua kursus pengajian yang sama. Semua pelajar ini ialah guru terlatih yang telah mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun, sama ada di sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah.

Selain daripada itu pelajar-pelajar ini mempunyai umur yang jauh berbeza, jika berbanding dengan pelajar-pelajar lain.

Alat-alatan :

Alat yang idpilih untuk mengukur konsep-kendiri ialah dengan menggunakan ukuran skala Konsep-Kendiri Tennessee (TSCS). Alat ini mengukur 10 aspek konsep-konsep seseorang. Aspek-aspek ini adalah seperti berikut :

- | | |
|--------------------------|--------------------------|
| [1] Kendiri Fisikal | [6] Identiti |
| [2] Kendiri Moral-Etika | [7] Kepuasan Kendiri |
| [3] Kendiri Perseorangan | [8] Tingkahlaku |
| [4] Kendiri Keluarga | [9] Kritikan Kendiri |
| [5] Kendiri Sosial | [10] Penghargaan Kendiri |

Ujian TSCS mengandungi 100 pernyataan berkenaan penjelasan sendiri. Setiap individu diperlukan memberi respon berdasarkan kepada skala Likert, yang mengukur 5 pilihan jawapan dalam satu kontinum dari 'sangat benar' hingga ke 'langsung tidak benar'. Sembilan puluh daripada 100 item dibahagikan kepada item-item positif dan negatif. Sepuluh item yang lain ialah skor kritikan sendiri.

Ujian ini dipilih kerana ia mudah dikendalikan dan ia merangkumi aspek psikologi yang penting untuk memastikan sama ada seseorang itu mempunyai personaliti yang baik atau tidak.

....6/-

Ujian ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang memuaskan berdasarkan kepada satu sampel kajian seramai 626 orang yang pernah dijalankan di Amerika Syarikat.

Cara Menjalankan Ujian :

Ujian TSCS diberikan kepada 35 orang subjek pada satu waktu yang sama dan arahan yang sama juga diberikan. Salah seorang daripadanya tidak hadir pada waktu ini. Jadi subjek ini digugurkan daripada kajian. Oleh sebab beberapa orang daripadanya kurang fasih berbahasa Inggeris, penyelidik terpaksa menerangkan beberapa item yang diuji.

Subjek-subjek dikehendaki menulis jawapan mereka di atas sehelai kertas yang mengandungi 5 pilihan jawapan. Jawapan mempunyai nombor 1 hingga nombor 100. Tetapi di dalam buku alatukur, item-item itu tidak disusun rapi mengikut nombor turutan. Jadi subjek-subjek memerlukan lebih masa untuk mencari bilangan yang sesuai untuk menandakan jawapan.

Keputusan :

Daripada Jadual I diperhatikan bahawa konsep-kendiri keseluruhan yang dicerminkan dari skor Penghargaan Kendiri (iaitu jumlah semua skor positif dan negatif) tidak menunjukkan sebarang perbezaan di antara ketiga-tiga kumpulan yang dikaji. Perbezaan bagi min skor ketiga-tiga kumpulan tersebut tidak signifikan berdasarkan Ujian F, pada aras keertian , $p < 0.05$.

Min yang tertinggi diperolehi oleh kumpulan kedua, iaitu berumur antara 31-35, tetapi sisihan piawai kumpulan ini adalah yang lebih tinggi sekali iaitu 46.21. Daripada data ini nampaknya kedua-dua kumpulan dua dan tiga, iaitu mereka yang berumur 35 tahun dan ke bawah memperolehi min yang hampir sama, dan kumpulan yang muda sekali menunjukkan lebih konsisten. (Sisihan piawaiannya ialah 20.24 berbanding dengan kumpulan I 33.95 dan kumpulan II 26.21).

....7/-

Jadual I

Min dan Sisihan Piawai Untuk Tiga Kumpulan Mengikut Umur

Konsep-Kendiri	Kumpulan 1		Kumpulan 2		Kumpulan 3		F	[P]
	36 dan atas		31 - 35		Bawah 30			
	X	S.L..	X	S.L..	X	S.L..		
Kendiri Fisikal [Lajur A]	49.33	10.64	56.61	4.23	56.00	5.15	3.87	p<.05
Kendiri Moral-Etika [Lajur B]	55.11	8.18	57.00	4.99	53.00	1.51	1.50	
Kendiri Perseorangan [Lajur C]	50.33	9.98	55.44	5.60	50.25	5.97	2.35	
Kendiri Keluarga [Lajur D]	59.78	6.55	63.33	4.37	60.00	6.37	1.75	
Kendiri Sosial [Lajur E]	53.75	4.46	59.05	4.42	58.25	5.37	3.74	p<.05
Identiti [Baris 1]	78.11	13.10	85.56	7.18	84.50	5.50	2.24	
Kepuasan Kendiri [Baris 2]	95.56	13.29	100.00	10.82	96.38	14.03	1.47	
Tingkh laku [Baris 3]	93.56	13.22	100.33	5.75	96.63	5.13	2.15	
Kritikan Kendiri	29.78	9.74	29.28	4.57	31.25	3.33	0.29	
Penghargaan Kendiri [P]	267.22	33.95	278.06	46.21	277.50	20.24	0.25	

....8/-

Merujuk kepada Jadual II, didapati skor penghargaan sendiri ini tidak jauh berbeza dengan keadaan norma di Amerika Syarikat. Subjek-subjek yang dikaji di sini tidak memperolehi skor yang terlalu rendah yang mencerminkan ketidak yakinan tentang nilai mereka sendiri. Kalau mereka memperolehi skor rendah, mereka melihat diri mereka sebagai tidak berguna. Jadi mereka akan sering risau dan pesimistik serta tidak mempunyai keyakinan sendiri. Daripada Jadual II min skor sebanyak 275.4 pada keseluruhannya menunjukkan bahawa subjek-subjek ini mempunyai personaliti yang positif.

Jadual II

Perbandingan Min, Sisihan Piawai dan Kebolehpercayaan antara Kumpulan B.Ed. dengan Kumpulan Norma di Amerika Syarikat dengan menggunakan Ujian Skala Konsep - Kendiri Tennessee

Konsep-Kendiri	Min		Sisihan Lazim		Kebolehpercayaan Norma USA
	Norma USA	Kumpulan B.Ed.	Norma USA	Kumpulan B.Ed.	
Kendiri Fisikal [Lajur A]	71.78	54.60	7.67	7.14	0.87
Kendiri Moral-Etika [Lajur B]	70.33	55.60	8.70	5.60	0.80
Kendiri Perseorangan [Lajur C]	64.55	52.94	7.41	7.30	0.85
Kendiri Keluarga [Lajur D]	70.83	61.66	8.43	5.57	0.89
Kendiri Sosial [Lajur E]	68.14	57.66	7.86	5.01	0.90
Identiti [Baris 1]	127.10	83.40	9.96	9.09	0.91
Kepuasan Kendiri [Baris 2]	103.67	99.57	13.79	12.39	0.88
Tingkhilaku [Baris 3]	115.01	97.74	11.22	8.46	0.88
Kritikan Kendiri	35.54	28.86	6.70	5.98	0.75
Penghargaan Kendiri [P]	345.57	275.14	30.70	38.02	0.92

....9/-

Satu bahagian penting di dalam TSCS ialah bahagian Kritikan Kendiri. Merujuk kepada Jadual I, diperhatikan bahawa ketiga-tiga kumpulan menunjukkan skor min yang hampir sama. Min mereka ini tidak lari jauh daripada min kumpulan norma di Amerika Syarikat. (Sila rujuk kepada Jadual II). Aspek ini perlu diperhatikan dengan teliti kerana sesiapa yang menunjukkan Kritikan Kendiri yang rendah tetapi mempunyai skor Penghargaan Kendiri yang tinggi maka ini menandakan ia cuba menggunakan helah beladiri yang tidak berasas.

Kesemua sub-skala tentang konsep-kendiri itu tidak signifikan langsung (kecuali Kendiri Fizikal dan Kendiri Sosial). Kedua-dua Kendiri Fizikal dan Kendiri Sosial itu menunjukkan perbezaan yang signifikan pada paras keertian $p < .05$.

Data di Jadual I menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan II dan III mempunyai banyak persamaan. Min Kendiri Fizikal mereka ialah 56.3 dan Kendiri Sosial ialah 58.6. Tetapi kumpulan I, iaitu kumpulan yang melebihi umur 36 tahun, mempunyai min yang lebih rendah daripada kedua-dua kumpulan muda itu. Mereka mempunyai min Kendiri fizikal 49.33 dan Kendiri Sosial 53.75.

Untuk Kendiri Fizikal, individu-individu itu sedang menyampaikan pandangan mereka sendiri berkenaan tubuh badan, kesihatan, wajah fizikal, kemahiran dan sekstualiti mereka. Untuk Kendiri Sosial pula, setiap individu cuba melihat bagaimana ia berinteraksi dengan orang-orang lain secara am. Skor ini mencerminkan darjat dan nilai dari dalam interaksi dengan orang lain.

Perbincangan :

Merujuk kepada profail yang terdapat pada Rajah I, boleh dilihat dengan jelasnya bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan antara tiga kumpulan subjek ini kecuali dalam bidang kendiri fizikal dan kendiri sosial. Daripada kajian ini boleh dirumuskan bahawa pembolehubah umur tidak berkaitan rapat dengan konsep kendiri. Konsep Kendiri sangat penting untuk personaliti yang baik tetapi daripada kajian ini jelas dilihat bahawa peningkatan umur bukannya satu faktor yang menyebabkan konsep-kendiri itu tinggi. Sebaliknya kalau diperhatikan aspek kendiri fizikal dan kendiri sosial, boleh dirumuskan bahawa semakin meningkat umur seseorang semakin rendah pandangannya dari segi aspek fizikal dan sosial.

Jika dirujuk semula kepada Jadual I dan II dapati bahawa min kumpulan satu, iaitu kumpulan yang melebihi 36 tahun, cuma mencapai Min Kendiri Fizikal 49.33 berbanding dengan keadaan norma Amerika Syarikat 71.78. Perbezaan yang jauh ini menunjukkan bahawa orang-orang Timur sering menganggap umur kebanggaan diri telah mula menurun apabila meningkat umur 40, berbanding dengan orang-orang Barat yang menganggap kebahagiaan dan keagungan hidup baru bermula dari peringkat itu. Mereka percaya "Life begins at 40!" Oleh sebab tanggapan ini sangat berluasan di Timur, sudah pasti mereka yang meningkat 40 tahun atau lebih akan memperolehi skor yang rendah bagi Kendiri Fizikal yang merangkumi wajah, kesihatan dan sekstualiti. Ketidak yakinan dalam aspek ini akan seterusnya menjejaskan pandangan terhadap Kendiri Sosial.

....10/-

Walaupun dapatan daripada aspek-aspek konsep-kendiri yang lain semuanya tidak signifikan daripada penganalisaan Ujian F, tetapi jika dilihat dari Jadual I didapati bahawa kumpulan II dan III mempunyai banyak persamaan. Min-min skor mereka dalam kebanyakan aspek lebih tinggi daripada min kumpulan I, iaitu kumpulan yang melebihi 36 tahun. Sungguh pun perbezaan min ini tidak signifikan, tetapi ada kemungkinan orang-orang Timur amat berbeza pendirian dan pandangan mereka terhadap umur mereka. Kebudayaan mungkin bermain peranan penting dalam isu ini. Seperti apa yang telah diterangkan tadi, orang-orang Timur menganggap peningkatan umur itu sebagai halangan kemajuan.

Satu lagi kemungkinan yang boleh diutarakan untuk kerendahan skor bagi kumpulan I pada keseluruhannya ialah latarbelakang dan pendedahan. Kumpulan I terdiri daripada mereka yang dilahirkan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Ini kemungkinan disebabkan kemajuan sebelum kemerdekaan tidak berlaku begitu pesatnya di negara ini. Jadi mereka yang dilahirkan sebelum merdeka sudah pasti akan mengalami kerugian dari beberapa aspek seperti pendedahan pendidikan dan latihan iktisas.

Kajian ini boleh merupai satu titik permulaan mengkaji personaliti dari segi kebudayaan dan sejarah. Dapatan kajian ini juga terdapatnya satu pola yang agak menarik untuk kajian seterusnya.


[60 markah]

2. [a] Katakanlah anda cuba mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar-pelajar anda dengan menjalankan satu penyelidikan. Dapatkan satu tajuk kajian penyelidikan tindakan dengan menghuraikan bagaimana anda dapat menjalankan kajian tersebut dengan menggunakan salah satu daripada model-model rancangan yang disertakan, iaitu :


- [i] Model Kemmis
- [ii] Model Ebbutt
- [iii] Model Elliot

....11/-


[1] PENYELIDIKAN TINDAKAN
MODEL KEMMIS



[ii] PENYELIDIKAN TINDAKAN MODEL EBBUTT



[iii] PENYELIDIKAN TINDAKAN MODEL ELLIOT



- [b] [i] Bagaimanakah teknik projektil dapat membantu anda menyelesaikan masalah pelajar-pelajar anda dalam bilik darjah.
- [ii] Apakah kelemahan-kelemahan dan kebaikan-kebaikan teknik projektil sebagai salah satu teknik untuk menyelesaikan masalah-masalah pelajar dalam bilik darjah.

[40 markah]

3. [a] Sesuatu sifat atau ciri boleh dianggap sesuatu kualiti (mutu/nilai) yang ada pada seseorang. Misalnya, ciri murid yang cemerlang mungkin bersifat rajin dan berusaha. Begitu juga, seseorang guru mungkin mempunyai beberapa ciri (fizikal, mental, fingkahlaku dan lain-lain) yang dapat menyumbangkan kepada keberkesanannya sebagai seorang guru. Dengan menggunakan perkataan, rangkai kata atau ayat yang pendek-pendek, sila nyatakan lebih kurang dua puluh ciri-ciri, sifat-sifat dan tingkahlaku guru yang berkesan. Pilih skala yang sesuai untuk mengukur keberkesanan guru dan seterusnya jawab soalan-soalan berikut :

- [i] Apakah kelemahan dan kebaikan skala yang anda pilih.
- [ii] Ceritakan langkah-langkah bagaimana anda hendak mendapatkan nilai kesahihan dan kebolehpercayaan alat ukur yang anda sediakan.

- [b] Baca soal selidik yang disediakan di bawah ini.

Soal Selidik Peranan Guru

Arahan :

Pilih sama ada [a] atau [b] bagi tiap-tiap pernyataan yang sesuai bagi menerangkan peranan anda sebagai seorang guru yang berkesan.

- [1] [a] Guru yang berkesan sentiasa menggalakkan murid-muridnya mengemukakan soalan-soalan.
- [b] Sekali pun murid-murid mereka (guru-guru) berada dipersekitaran yang berbeza-beza mereka tidak begitu mudah menyoal dengan tidak payah disuruh.
- [2] [a] Saya mendapati susah bagi murid-murid hendak menilai jawapan kawan-kawan mereka.
- [b] Murid-murid selalunya suka membetulkan kesalahan kawan-kawan mereka.

....15/-

- [3] [a] Saya akan mengambil risiko yang tinggi jika sekiranya saya menukarkan cara pengajaran saya yang tradisional.
- [b] Guru yang baik sentiasa dapat menyesuaikan dan mengubahsuaikan pendekatannya mengikut perkembangan pelajaran.
- [4] [a] Adalah tidak adil jika kita mengharapkan guru-guru sentiasa mengajar menggunakan teknik menyoal.
- [b] Mengajar dengan menyoal dan memberi jawapan lebih mudah untuk diselenggarakan.
- [5] [a] Pendekatan pengajaran yang biasa dijalankan di Malaysia ialah, "Guru bercakap, murid-murid mendengar".
- [b] Pengajaran saya mirip kepada memberi soalan-soalan dan murid-murid pula menjawabnya hanya apabila penyelia ada bersama.
- [6] [a] Interaksi guru-guru boleh dibaiki jika sekiranya penyelia tidak ada bersama.
- [b] Murid-murid bekerjasama dengan lebih melibatkan diri jika penyelia ada bersama.
- [7] [a] Tujuan pengajaran ialah untuk mengalakkan murid-murid supaya mereka lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.
- [b] Murid-murid sentiasa menyalahkan guru-guru jika mereka diberikan layanan yang tidak adil.
- [8] [a] Murid-murid boleh ditanamkan dengan memberi semangat berkenaan mustahaknya belajar dengan sendiri.
- [b] Ibubapa mengharapkan guru-guru mengajar murid-murid untuk lulus peperiksaan.
- [9] [a] Saya berasa serbasalah tetapi senang hati jika saya menyimpang dari kehendak sukatan pelajaran.
- [b] Pengajaran dan pembelajaran adalah melebihi daripada hanya untuk lulus peperiksaan sahaja.

....16/-

- [10] [a] Saya akan mendapat gred yang rendah jika saya cuba menjadi guru yang inovatif.
- [b] Keberkesanan pengajaran diukur berdasarkan objektif-objektif yang diperolehi.
- [11] [a] Keadaan persekitaran bilik darjah menjadi lebih terkongkong.
- [b] Saya suka menggalakkan suasana perhubungan guru-murid dalam keadaan yang demokratik.
- [12] [a] Saya mendapatkan tugas saya siap mengikuti rancangan yang disediakan dengan tidak ada gangguan.
- [b] Saya berasa lebih menggalakkan jika murid-murid menyoal lebih banyak soalan.
- [13] [a] Rancangan pendidikan guru telah menggalakkan saya mencuba pendekatan yang berbeza-bebeza.
- [b] Saya masih berpegang kepada pendekatan pengajaran tradisional.
- [14] [a] Penyelia-penyelia hanya suka jika pelajaran diajar dengan baik.
- [b] Penyelia-penyelia memberikan kepujian kepada usaha yang cuba hendak membaiki keadaan pembelajaran yang berperikemanusiaan.
- [15] [a] Bagaimana harapan seorang guru dapat mendemokrasikan pengajaran dalam bilik darjah yang mengandungi berbagai-bagai rancangan yang begitu banyak.
- [b] Murid-murid akan menerima keadaan bilik darjah yang baru.
- [16] [a] Saya galakkan murid-murid mencuba dan menghadapi risiko.
- [b] Saya sentiasa berharap murid-murid dapat menjawab dengan betul.

....17/-

Berdasarkan dengan item-item soal selidik di atas jawab soalan-soalan yang berikut :

- [i] Jika sekiranya tiap-tiap responden diberikan 'satu' skor bagi tiap-tiap jawapan yang betul dan 'kosong' bagi jawapan yang salah apakah jenis soal selidik ini? Bandingkan kelemahan-kelemahan dan kebaikan-kebaikan soal selidik ini dengan pengukuran yang menggunakan teknik projektil untuk mendapatkan maklumat yang sama.
- [ii] Ubahsuai item no. 1 hingga item no. 5 supaya item-item tersebut menjadi item jenis Likert. Jelaskan bagaimana anda menyediakan skor-skor bagi skala yang anda sediakan.
- [iii] Ubahsuai item no. 6 hingga item no. 10 dengan menukarkannya kepada item-item jenis perbezaan Semantik. Bagaimanakah anda dapat menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan alat ukur Perbezaan Semantik anda.
- [iv] Apakah ciri-ciri atau sifat-sifat item soal selidik yang baik? Baiki dan tulis semula item-item dari nombor 11 hingga ke nombor 16 supaya item-item ini dapat diterima sebagai item-item yang baik.

[40 markah]

--- oooo000oooo ---

